

KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR (20 NOVEMBER 2020) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) menyambut baik sokongan Kerajaan Malaysia terhadap seruan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk moratorium terhadap hukuman mati.

Pada 17 November 2020, 120 Negara Anggota PBB termasuk Malaysia telah menyokong resolusi Perhimpunan Agung PBB mengenai moratorium terhadap hukuman mati semasa sesi ke-75 Perhimpunan Agung PBB. Resolusi tersebut antaranya menyarankan agar negara-negara anggota menjamin hak kepada perbicaraan yang adil dan hanya menggunakan hukuman mati untuk jenayah paling serius, sementara menunggu pemansuhan hukuman mati.

Sehingga kini, Malaysia mempunyai lapan undang-undang yang menetapkan 12 kesalahan yang membawa kepada hukuman mati mandatori dan 21 kesalahan yang membawa kepada hukuman mati mengikut budi bicara termasuk Kanun Keseksaan dan Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971. Pada tahun 2019, Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas untuk mengkaji dan membuat syor-syor mengenai hukuman alternatif untuk menggantikan hukuman mati mandatori dan langkah peralihan bagi banduan akhir sedia ada. Jawatankuasa Khas tersebut telah menjalankan banyak konsultasi awam di seluruh negara dengan pihak-pihak berkepentingan termasuk agensi Kerajaan, organisasi masyarakat sivil, keluarga mangsa dan keluarga banduan akhir serta banduan akhir itu sendiri. Jawatankuasa Khas tersebut telah menyerahkan laporan mereka untuk pertimbangan Kerajaan pada bulan Februari 2020.

Dalam hal ini, SUHAKAM menggesa Kerajaan untuk mengumumkan laporan Jawatankuasa Khas tersebut dan mempercepatkan usahanya untuk memansuhkan hukuman mati mandatori di negara ini, sebagai langkah pertama ke arah pemansuhan hukuman mati secara sepenuhnya.

-TAMAT-

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

20 November 2020

Pertanyaan Media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-2612 5687 / 019-621 5336 atau shikin@suhakam.org.my